

# Media main peranan signifikan

## ► Dalam membantu promosi kejayaan UMS

UB 27.6.2019 B5

**KOTAKINABALU:**Media memainkan peranan relevan dan signifikan dalam membantu mempromosi kejayaan dan usaha membangunkan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, peranan media juga penting dalam memastikan kelangsungan tadbir urus serta governan bagi organisasi dan institusi.

“Peranan media penting dalam sesuatu tadbir urus dan governan di mana-mana organisasi dan institusi

supaya sentiasa berjalan berdasarkan prosedur yang betul, cekap dan cemerlang.

“Inikerana, organisasi atau institusi awam mempunyai obligasi untuk memastikan stakeholder dan rakyat mengetahui perkembangan sesebuah organisasi.


“Mana yang tidak betul, rakyat boleh menegur menerusi saluran yang betul bertujuan untuk memastikan organisasi sentiasa berada pada landasan yang betul dalam melaksanakan apa jua aktiviti dan tindakan seharian yang



D Kamarudin semasa menyampaikan ucapan.



KY Mustafa menyampaikan cenderahati penghargaan kepada wakil-wakil media.



ANTARA mereka yang hadir pada majlis itu.

melibatkan kepentingan awam,” jelas beliau.

Menurut D Kamarudin, UMS telah mencapai penarafan atau ranking antarabangsa pada tahun 2018 dan ia menunjukkan peningkatan sekitar 44 tangga berbanding pada tahun 2016 iaitu di kedudukan ke-206 dalam QS Asia University Rankings (QSAUR).

Ujarnya, dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan oleh UMS itu diharap institusi itu mampu tersenarai dalam di

Top 200 di Asia pada tahun 2019.

“Buat kali pertama, UMS tersenarai dalam QS World University Rankings (QSWUR) dan berdasarkan QSWUR 2020, UMS berada pada kedudukan 801–1000 di dunia iaitu antara 1,000 universiti terbaik di dunia ketika ini.

“Pencapaian ini bukannya satu perkara yang mudah untuk diperolehi berdasarkan kriteria pemilihan yang sangat spesifik.

“Satu lagi pencapaian UMS di peringkat global

ialah penyenaian dalam UI GreenMetric World University Ranking dengan menempatkan UMS pada kedudukan ke-71 di dunia, ke-17 di Asia dan ke-4 di Malaysia, pada tahun 2018,” katanya dalam Majlis Kaamatan - Raya Bersama Media 2019 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada Selasa.

Tambahnya, UMS juga telah berjaya mewujudkan Institut GONGZI atau Confucius Institute (CI) bermula Januari, 2019 dan menjadikan UMS sebagai

institusi pengajian tinggi yang ketiga, dan universiti awam yang kedua di Malaysia yang mempunyai CI dan menjadi antara sekitar 510 institusi yang mempunyai CI di 127 buah negara.

D Kamarudin merupakan naib canselor kelima sejak UMS ditubuhkan pada 1994 dan bakal menamatkan perkhidmatannya pada 29 Julai nanti.

Pada majlis itu, seramai 100 pengamal media diraikan dan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa.